

17 JAN 2004  
Sukan-F1 (Pelancaran)  
KEMPEN BAGI GRAND PRIX MALAYSIA BERMULA

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Grand Prix Formula One (F1) 2004  
Petronas Malaysia pada Mac ini sudah pasti hebat dengan penaja dan penganjur perlumbaan memulakan kempen besar-besaran di Kuala Lumpur City Centre, di sini, malam ini.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein melancarkan kempen anjuran Petronas dan Sirkuit Antarabangsa Sepang (SIC) dalam majlis yang turut dihadiri oleh pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan pengerusi SIC Datuk Mokhzani Tun Mahathir.

Hishammuddin menyeru semua pihak supaya menjadikan acara tahun ini sesuatu yang sukar dilupakan dan untuk belajar daripada pasukan-pasukan F1 yang mengambil bahagian mengenai bagaimana untuk menggalakkan dengan lebih baik budaya sukan bermotor di negara ini.

"Selepas lima tahun menganjurkannya dengan cemerlang, saya tidak dapat nafikan kita telah banyak menyaksikan kemajuan daripada segi kemahiran penganjuran dan juga infrastruktur.

Acara tahun ini, yang dijadualkan di Sirkuit F1 Sepang dari 19 hingga 21 Mac, akan menyaksikan usaha-usaha penyelarasan yang lebih baik daripada semua pihak dalam menggalakkan industri sukan bermotor dan juga program-program pembangunan.

Petronas, penaja kejuaraan akan memulakan kempen seluruh negara melalui program 'F1 Tech Tour', yang akan ditumpukan lebih di Sabah dan Sarawak pada tahun ini.

Petronas juga akan terus membawa F1 ke jalan-jalan dengan menganjurkan Demo F1 tahunan di Kuching pada 14 Mac. Tahun ini, Demo F1 yang popular itu akan menampilkan kereta lumba F1 terbaru Sauber Petronas, iaitu model C23, yang akan memecut di jalan-jalan berhampiran Dermaga Kuching.

Bagi SIC, walaupun kehadiran rekod pada tahun lepas sebanyak 101,485 penonton, para penganjur menetapkan sasaran lebih tinggi iaitu

120,000

penonton termasuk 50,000 penonton antarabangsa.

Sebelum itu, Hishammuddin membuka tirai memperkenalkan satu arca Grand

Prix yang menjadi lambang aktiviti promosi semasa Grand Prix yang akan

mencapai kemuncak semasa hujung minggu perlumbaan F1.

Berbentuk satu glob yang di tutup oleh bumbung tempat penonton Sirkuit

Sepang yang berbentuk "cendawan", arca itu akan dipamerkan di KLCC Esplanade sehingga akhir Mac.

-- BERNAMA

HRS HM PR